

D.R. 27/2009

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Amanah Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 [*Akta 554*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 1

3. Seksyen 1 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “Luar Pesisir”.

Pindaan seksyen 2**4. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—****(a) dalam subseksyen (1)—**

- (i) dengan memasukkan selepas takrif “amanah” takrif yang berikut:

‘ “amanah bermaksud” ertinya amanah yang disebut dalam seksyen 11A, dan termasuk suatu amanah khairat;

“amanah khairat” ertinya suatu amanah yang disebut dalam seksyen 11B;

“amanah Labuan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 8(1);’;

- (ii) dengan memotong takrif “amanah luar pesisir”;
- (iii) dengan menggantikan takrif “amanah luar pesisir yang didaftarkan” dengan takrif yang berikut:
- ‘ “amanah Labuan yang didaftarkan” ertinya suatu amanah Labuan yang didaftarkan di bawah subseksyen 12(4);’;

- (iv) dengan memasukkan selepas takrif “daftar” takrif yang berikut:

‘ “dinyatakan”, jika tiada cara dinyatakan dalam Akta ini, ertinya ditentukan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan kuasa untuk menentukan termasuk kuasa untuk menentukan secara berlainan bagi orang atau golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan;’;

- (v) dengan menggantikan takrif “ditetapkan” dengan takrif yang berikut:

‘ “ditetapkan”, jika tiada cara dinyatakan, ertinya ditetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dan kuasa untuk menetapkan termasuk kuasa untuk membuat peruntukan yang berlainan dalam perintah itu bagi orang atau golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan;’;

(vi) dengan menggantikan takrif "harta" dengan takrif yang berikut:

‘ “harta” termasuklah—

(a) tiap-tiap jenis harta, sama ada nyata atau tidak nyata, harta alih atau harta tak alih, ketara atau tidak ketara, tidak kira bagaimana diperoleh; atau

(b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuklah elektronik atau digital, yang membuktikan hak milik bagi atau kepentingan dalam, harta itu, termasuklah cek bank, kiriman wang, syer, sekuriti, bon, draf bank dan surat kredit;’;

(vii) dengan memotong takrif “harta tak alih yang terletak di Malaysia”;

(viii) dengan menggantikan takrif “Lembaga” dengan takrif yang berikut:

‘ “Lembaga” ertinya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*];’;

(ix) dalam takrif “Menteri”, dengan menggantikan perkataan “syarikat luar pesisir” dengan perkataan “kewangan”;

(x) dengan menggantikan takrif “orang” dengan takrif yang berikut:

‘ “orang” termasuk suatu perbadanan, perkongsian, sekumpulan orang, korporat atau bukan korporat, dan perbadanan tunggal;’;

(xi) dengan memasukkan selepas takrif “pecah amanah” takrif yang berikut:

‘ “pegawai diberi kuasa” ertinya seseorang pegawai yang diberi kuasa sewajarnya oleh Lembaga di bawah seksyen 6B;

Rang Undang-Undang

“pelindung” ertinya seseorang yang dilantik mengikut seksyen 35;’;

(xii) dalam takrif “pemastautin”, dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) sesiapa yang telah menubuhkan suatu tempat perniagaan dan menjalankannya di Malaysia, selain—

(i) suatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990;

(ii) suatu yayasan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Labuan 2009 [Akta]; dan

(iii) suatu perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2009 [Akta];”;

(xiii) dengan memasukkan selepas takrif “pemastautin” takrif yang berikut:

“penguat kuasa” ertinya seseorang yang disebut dalam seksyen 11c;’;

(xiv) dengan menggantikan takrif “perbadanan” dengan takrif yang berikut:

“perbadanan” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang dibentuk atau diperbadankan atau yang sedia ada di Malaysia atau luar Malaysia dan termasuk syarikat Labuan asing tetapi tidak termasuk—

(a) suatu pertubuhan tunggal;

(b) suatu kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah undang-undang bertulis sebagai suatu kesatuan sekerja; atau

(c) suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi;’;

(xv) dengan memasukkan selepas takrif “perbadanan” takrif yang berikut:

‘ “ringgit” ertinya ringgit dalam mata wang Malaysia;’;

(xvi) dengan menggantikan takrif “syarikat amanah” dengan takrif yang berikut:

‘ “syarikat amanah Labuan” ertinya suatu perbadanan yang didaftarkan sebagai syarikat amanah Labuan di bawah Bahagian V Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 [*Akta*];’;

(xvii) dengan memasukkan selepas takrif “syarikat amanah Labuan” takrif yang berikut:

‘ “syarikat Labuan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*];’; dan

(b) dengan memotong subseksyen (2).

Pemotongan seksyen 4 dan 5

5. Seksyen 4 dan 5 Akta ibu dipotong.

Pindaan seksyen 6

6. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Tertakluk kepada subseksyen (1B), undang-undang yang sepatutnya bagi sesuatu amanah hendaklah—

(a) undang-undang yang dipilih oleh pembuat amanah sebagai terpakai bagi sesuatu amanah, pilihan itu dinyatakan atau tersirat dalam terma amanah itu; atau

(b) jika tiada undang-undang dipilih, undang-undang yang dengannya amanah itu mempunyai kaitan paling rapat pada masa pewujudannya.

(1B) Dalam menentukan undang-undang yang dengannya amanah itu mempunyai kaitan paling rapat, rujukan hendaklah dibuat khususnya kepada—

(a) tempat pentadbiran amanah itu yang ditetapkan oleh pembuat amanah;

(b) tempat terletakinya harta amanah itu;

(c) tempat bermastautin atau perniagaan pemegang amanah;

(d) matlamat amanah dan tempat-tempat yang amanah itu hendak dipenuhi.

(1c) Tanpa menghalang cara lain untuk menentukan yang dengannya bidang kuasa ditetapkan itu mempunyai kaitan paling rapat, terma-terma amanah yang menetapkan tempat pentadbiran adalah sah dan muktamad sekiranya—

(a) tempat terletakinya perniagaan utama seorang pemegang amanah atau seorang pemegang amanah merupakan pemastautin dalam bidang kuasa ditetapkan itu; atau

(b) semua atau mana-mana bahagian pentadbiran itu berlaku dalam bidang kuasa ditetapkan.”.

Bahagian baru IA

7. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 Bahagian I Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IA

PENTADBIRAN AKTA

Pentadbiran Akta

6A. Lembaga adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran Akta ini, tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri.

Pegawai diberi kuasa

6B. (1) Lembaga boleh memberi kuasa kepada mana-mana anggota atau pegawainya untuk melaksanakan mana-mana fungsinya, menjalankan mana-mana kuasanya atau menunaikan mana-mana kewajipannya di bawah Akta ini.

(2) Tertakluk kepada had tersebut, sekiranya ada, sebagaimana yang boleh ditetapkan, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah melaksanakan semua fungsinya, menjalankan semua kuasanya dan menunaikan semua kewajipan Lembaga dan tiap-tiap fungsi yang dilaksanakan, kuasa yang dijalankan dan kewajipan yang ditunaikan itu hendaklah disifatkan telah dilaksanakan, dijalankan dan ditunaikan sewajarnya bagi maksud Akta ini.”.

Pindaan Bahagian II

8. Tajuk Bahagian II Akta ini dipinda dengan menggantikan perkataan “LUAR PESISIR” dengan perkataan “LABUAN”.

Pindaan seksyen 7

9. Akta ini dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen yang berikut:

“Kewujudan amanah Labuan

7. (1) Pembuat amanah sesuatu amanah Labuan boleh merupakan orang berkelayakan atau pemastautin.

(2) Harta amanah tidak boleh termasuk apa-apa harta Malaysia melainkan jika kelulusan Lembaga diperoleh terlebih dahulu atau amanah itu merupakan amanah bagi maksud khairat.

(3) Benefisiari sesuatu amanah Labuan boleh merupakan orang berkelayakan atau pemastautin.

(4) Syarikat amanah Labuan hendaklah menjadi salah satu daripada pemegang amanah sesuatu amanah Labuan.

(5) Jika harta amanah termasuk harta Malaysia, apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada harta amanah itu hendaklah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*].

(6) Jika amanah itu tidak termasuk harta Malaysia, apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada apa-apa harta amanah itu hendaklah tertakluk kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*].

(7) Bagi maksud seksyen ini, “harta Malaysia” ertinya apa-apa harta yang terletak di Malaysia.”.

Pindaan seksyen 8

10. Akta ibu dipinda dalam seksyen 8—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”;

(b) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “An offshore” dengan perkataan “A Labuan”; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”; dan

(c) dalam perenggaan (2)(a)—

(i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “an offshore” dengan perkataan “a Labuan”; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Seksyen baru 8A

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

“Kerahsiaan

8A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada seorang pun boleh melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat, yang berhubungan dengan urusan dan hal ehwal suatu amanah Labuan yang boleh memberikan, mendedahkan, memberitahu, menerbitkan atau selainnya menzahirkan kepada mana-mana orang rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat itu.

(2) Semua prosiding (selain prosiding jenayah) yang berhubungan dengan suatu amanah Labuan yang dimulakan di mana-mana mahkamah di bawah peruntukan Akta ini dan apa-apa rayuan daripadanya, hendaklah, melainkan jika mahkamah memerintahkan selainnya, didengar secara tertutup dan tiada butir-butir mengenai prosiding itu boleh disiarkan oleh mana-mana orang tanpa kebenaran mahkamah.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai jika penzahiran itu dikehendaki —

- (a) menurut suatu perintah mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa dalam mana-mana prosiding;
- (b) bagi maksud pelaksanaan fungsi penyeliaan Lembaga yang diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996;
- (c) menurut seksyen 22 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990; atau
- (d) dengan persetujuan amanah Labuan itu.

(4) Jika perintah yang disebut dalam perenggan (3)(a) diperoleh secara permohonan *ex-parte*, pemegang amanah itu boleh memberitahu orang yang terjejas oleh perintah itu dan apabila menerima pemberitahuan itu, orang yang terjejas itu boleh memfailkan permohonan yang perlu kepada mahkamah untuk mencabar perintah itu atau selain memenuhi perintah itu dengan sewajarnya.

(5) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang mana-mana mahkamah daripada menggunakan budi bicaranya untuk menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa keterangan dalam mana-mana prosiding di hadapan mahkamah yang berkaitan dengan prosiding itu.

Pemegangan hak tertentu oleh pembuat amanah

8B. (1) Penyimpanan atau pemberian oleh pembuat amanah bagi sesuatu amanah mengenai apa-apa kepentingan benefisial dalam harta amanah itu atau apa-apa kuasa yang disebut dalam subseksyen (2), tidak menjejaskan kesahan amanah itu atau surat cara amanah itu.

(2) Kuasa yang disebut dalam subseksyen (1) adalah seperti yang berikut:

- (a) membatalkan, mengubah atau meminda terma-terma sesuatu amanah atau kuasa yang berbangkit secara keseluruhannya atau sebahagiannya di bawah amanah itu;
- (b) mendahulukan, menentukan, membayar atau menggunakan pendapatan atau modal daripada harta amanah atau untuk memberikan arahan bagi pembuatan pendahuluan, penentuan, pembayaran atau penggunaan itu;
- (c) bertindak sebagai, atau memberikan arahan mengikat tentang pelantikan atau penyingkiran, seseorang pengarah atau pegawai mana-mana perbadanan yang dipunyai secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh amanah itu;

- (d) memberikan arahan mengikat kepada pemegang amanah yang berkaitan dengan pembelian, pemegangan, penjualan, pengurusan, peminjaman, penyandaran atau pengenaan caj harta amanah atau penjalanan apa-apa kuasa atau hak yang berbangkit daripada harta itu;
- (e) melantik atau menyingkirkan mana-mana pemegang amanah, penguat kuasa, pelindung atau benefisiari;
- (f) melantik atau menyingkirkan seseorang pengurus pelaburan atau penasihat pelaburan;
- (g) menukar undang-undang yang sepatutnya bagi amanah itu; dan
- (h) menyekat penjalanan apa-apa kuasa atau budi bicara pemegang amanah dengan menghendaki supaya kuasa itu hanya boleh dijalankan dengan persetujuan pembuat amanah atau mana-mana orang lain yang ditentukan oleh terma-terma amanah itu.”.

Pindaan seksyen 9

12. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “offshore”, “An offshore” dan “an offshore”, di mana-mana jua terdapat, masing-masing dengan perkataan “Labuan”, “A Labuan” dan “a Labuan”; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 10

13. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “an offshore” dengan perkataan “a Labuan”;

- (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”;
- (iii) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “atau” di penghujung perenggan itu;
- (iv) dengan menggantikan tanda noktah di penghujung perenggan (d) dengan koma bernoktah; dan
- (v) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
 - “(e) apa-apa tuntutan berkenaan dengan kesahan apa-apa pindah milik atau pelupusan harta ke dalam amanah Labuan;
 - (f) apa-apa tuntutan berkenaan dengan sifat pembuat amanah; atau
 - (g) apa-apa tuntutan oleh sebab bahawa mana-mana bidang kuasa undang-undang asing menghalang atau tidak mengiktiraf konsep sesuatu amanah.”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:
 - “(3) Jika pembuat amanah sesuatu amanah Labuan ialah pemastautin, seksyen ini hendaklah terpakai hanya setakat keselarasannya dengan mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.”.

Pindaan seksyen 11

14. Seksyen 11 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “offshore”, “an offshore” dan “An offshore” di mana-mana jua terdapat, masing-masing dengan perkataan “Labuan”, “a Labuan” dan “A Labuan”;
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “Labuan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(6A) Jika pembuat amanah sesuatu amanah Labuan ialah pemastautin, seksyen ini hendaklah terpakai hanya setakat keselarasannya dengan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa di Malaysia.”.

Seksyen baru 11A, 11B, 11C, 11D dan 11E

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:

“Amanah bermaksud

11A. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang yang berlawanan, sesuatu amanah boleh diwujudkan atau ditubuhkan di bawah Akta ini bagi sesuatu maksud atau maksud-maksud tertentu, sama ada khairat atau tidak.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), matlamat sesuatu amanah boleh—

(a) merupakan apa-apa bilangan orang;

(b) apa-apa bilangan atau jenis maksud; atau

(c) kedua-dua orang atau beberapa orang dan maksud atau maksud-maksud,

dengan syarat bahawa maksud-maksud itu adalah sah di sisi undang-undang dan tidak berlawanan dengan dasar awam.

(3) Sesuatu amanah bermaksud hendaklah dikuatkuasakan oleh penguat kuasa yang dilantik mengikut seksyen 11c.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), jika matlamat sesuatu amanah bermaksud termasuk seseorang, orang itu berhak untuk menguatkuasakan amanah bermaksud itu berkenaan dengan orang itu dan bukan berkenaan dengan sesuatu maksud itu.

(5) Apa-apa surat cara yang mewujudkan atau membuktikan sesuatu amanah bermaksud boleh—

- (a) menyatakan sesuatu kejadian atau tarikh berlakunya sesuatu kejadian yang menyebabkan amanah itu terhenti menjadi suatu amanah bermaksud;
- (b) memperuntukkan bagi pelupusan harta amanah apabila amanah itu terhenti menjadi suatu amanah bermaksud; atau
- (c) memperuntukkan bahawa, selagi amanah itu ialah suatu amanah bermaksud, pemegang amanah tidak mempunyai kewajipan—
 - (i) terhadap mana-mana orang yang berhak kepada harta itu apabila amanah itu terhenti menjadi amanah bermaksud; atau
 - (ii) berhubung dengan apa-apa maksud yang baginya harta itu hendaklah digunakan pada ketika itu.

Amanah khairat

11B. (1) Sesuatu amanah hendaklah dianggap sebagai amanah bagi maksud khairat di bawah Akta ini jika amanah itu dibuat bagi mana-mana satu maksud atau lebih yang berikut dan jika maksud atau maksud-maksud itu dipenuhi bagi manfaat masyarakat atau sebahagian besar daripada masyarakat dengan mengambil kira jenis dan sifat maksud atau maksud-maksud itu:

- (a) pembasmian atau pengurangan kemiskinan;
- (b) pemajuan pendidikan;
- (c) penggalakan seni, sains dan agama;
- (d) perlindungan alam sekitar;
- (e) pemajuan hak asasi manusia dan kebebasan asasi; atau
- (f) apa-apa maksud lain yang mendatangkan faedah kepada masyarakat.

(2) Sesuatu maksud boleh dianggap sebagai khairat sama ada maksud itu akan dijalankan di Malaysia atau di tempat lain dan sama ada maksud itu memberi faedah kepada masyarakat di Malaysia atau di tempat lain.

Penguat kuasa

11c. (1) Terma sesuatu amanah bermaksud hendaklah mengadakan peruntukan mengenai pelantikan seorang penguat kuasa atau apa-apa bilangan penguat kuasa yang kewajipannya adalah untuk menguatkuasakan amanah itu mengikut terma dan maksudnya.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Mahkamah boleh, atas permohonan pemegang amanah, pembuat amanah atau mana-mana orang lain yang Mahkamah dapati mempunyai kepentingan yang mencukupi dalam penguatkuasaan amanah itu, melantik seorang penguat kuasa atau apa-apa bilangan penguat kuasa yang difikirkannya patut.

(3) Tiada seorang pun boleh pada bila-bila masa menjadi kedua-dua pemegang amanah dan penguat kuasa bagi amanah yang sama.

(4) Pembuat amanah atau wakil dirinya boleh juga dilantik sebagai penguat kuasa bagi amanah bermaksud.

(5) Seseorang penguat kuasa tidak boleh—

(a) meletakkan dirinya dalam suatu kedudukan yang bercanggah dengan kewajipannya untuk menguatkuasakan maksud amanah itu;

(b) memperoleh secara langsung atau tidak langsung apa-apa keuntungan oleh sebab pelantikannya selain apa-apa fi yang munasabah bagi perkhidmatannya dan bagi apa-apa perbelanjaan munasabah yang dilakukannya dalam menunaikan kewajipannya; atau

(c) membuat apa-apa urusan bagi pihaknya sendiri dengan pemegang amanah bagi amanah bermaksud atau berhubungan dengan harta amanah bagi amanah bermaksud yang baginya dia merupakan penguat kuasa baginya.

(6) Penguat kuasa hendaklah diberikan—

- (a) akaun, termasuklah akaun tahunan amanah bermaksud itu;
- (b) salinan surat cara amanah yang menubuhkan amanah bermaksud itu dan apa-apa surat ikatan atau dokumen yang disebut dalam surat cara itu;
- (c) apa-apa pandangan dan nasihat undang-undang yang diterima oleh pemegang amanah; dan
- (d) apa-apa dokumen atau maklumat lain yang mungkin menyebabkannya berhak di bawah terma amanah bermaksud itu.

(7) Seseorang penguat kuasa mempunyai hak yang sama sebagaimana seseorang yang mempunyai kepentingan benefisial di bawah suatu amanah biasa untuk membawa tindakan pentadbiran atau tindakan lain, termasuklah membuat suatu permohonan ke Mahkamah bagi mendapatkan arahnya, demi kebaikan amanah itu.

(8) Seseorang penguat kuasa mempunyai hak seorang pemegang amanah sesuatu amanah biasa bagi mendapatkan perlindungan, tanggung rugi dan pembayaran perbelanjaan daripada harta amanah, dan untuk membuat permohonan ke Mahkamah di bawah seksyen 49.

(9) Seseorang penguat kuasa mempunyai, bagi pihak amanah, remedi diri dan kepunyaan yang sama bagi pecah amanah terhadap pemegang amanah dan pihak ketiga sebagaimana seorang benefisiari sesuatu amanah biasa.

(10) Seseorang penguat kuasa boleh meletakkan jawatannya secara notis bertulis dan peletakan jawatannya itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila notis bertulis itu dihantar serah kepada pemegang amanah bagi amanah bermaksud itu.

(11) Peletakan jawatan seseorang penguat kuasa tidak melepaskan penguat kuasa itu daripada apa-apa liabiliti berhubung dengan amanah itu yang berbangkit sebelum peletakan jawatannya.

Amanah bermaksud tidak menjadi batal semata-mata kerana ketidakpastian

11D. (1) Suatu amanah bermaksud tidak menjadi batal semata-mata kerana apa-apa ketidakpastian tentang matlamatnya atau cara pelaksanaannya.

(2) Terma amanah bermaksud boleh memberi pemegang amanah atau mana-mana orang lain kuasa untuk menyelesaikan apa-apa ketidakpastian tentang matlamatnya atau cara pelaksanaannya.

(3) Sekiranya suatu amanah bermaksud mempunyai lebih daripada satu matlamat dan surat cara amanah tidak mengagihkan harta amanah itu di kalangan mereka, sekiranya dan setakat yang suatu niat yang bertentangan tidak dinyatakan dalam surat cara amanah itu, dan tertakluk kepada terma surat cara itu, pemegang amanah bagi amanah itu mempunyai kuasa pada budi bicara mutlaknya untuk mengagihkan modal dan pendapatan antara maksud-maksud amanah yang berlainan itu.

(4) Sekiranya apa-apa ketidakpastian tentang matlamat atau cara pelaksanaan amanah bermaksud atau tentang pengagihan harta amanah antara matlamatnya tidak boleh diselesaikan, atau tidak diselesaikan menurut terma amanah itu, Mahkamah—

(a) boleh menyelesaikan ketidakpastian itu—

(i) dengan membentuk semula amanah itu;

(ii) dengan memutuskan suatu rancangan bagi pentadbirannya; atau

(iii) dengan apa-apa cara lain yang Mahkamah pertimbangkan sesuai; atau

(b) setakat yang matlamat amanah itu tidak pasti dan niat am amanah itu tidak boleh didapati daripada keterangan yang boleh diterima sebagai perkara kebarangkalian, boleh mengisytiharkan amanah itu terbatal.

Amanah pemborosan atau perlindungan

11E. (1) Terma amanah boleh menjadikan kepentingan benefisiari dalam harta amanah atau dalam apa-apa pendapatan atau modal harta itu—

- (a) boleh ditamatkan;
- (b) tertakluk kepada sekatan mengenai pemberian hak milikan atau pelupusan; atau
- (c) tertakluk kepada pengurangan atau penamatan sekiranya benefisiari menjadi tidak solven atau mana-mana hartanya menjadi boleh disita atau disekuestrasikan bagi faedah pemiutangnya.

(2) Sesuatu amanah yang di bawahnya kepentingan seseorang benefisiari adalah tertakluk kepada penamatan, sekatan atau pengurangan di bawah subseksyen (1) ialah suatu amanah pemborosan atau perlindungan.

(3) Sesuatu peruntukan dalam terma amanah yang menghendaki kepentingan seseorang benefisiari dalam harta amanah atau dalam apa-apa pendapatan atau modal harta itu hendaklah dipegang atas amanah pemborosan atau perlindungan hendaklah ditafsirkan sebagai kehendak supaya kepentingan benefisiari itu tertakluk kepada penamatan, sekatan atau pengurangan yang disebut dalam subseksyen (1).”

Pindaan seksyen 12

16. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “offshore” dan “an offshore”, di mana-mana jua terdapat, masing-masing dengan perkataan “Labuan” dan “a Labuan”;
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “Labuan”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Suatu amanah Labuan tidak boleh didaftarkan jika nama amanah Labuan yang hendak didaftarkan itu, pada pendapat Lembaga, mengelirukan dengan apa-apa cara atau selainnya tidak wajar.”.

Pindaan seksyen 13

17. Seksyen 13 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 14

18. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “offshore” dan “an offshore”, di mana-mana jua terdapat, masing-masing dengan perkataan “Labuan” dan “a Labuan”; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 15

19. Seksyen 15 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 16

20. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 16 dengan seksyen yang berikut:

“Jangka masa amanah Labuan

16. (1) Terma amanah Labuan boleh memperuntukkan secara nyata bahawa amanah Labuan hendaklah wujud selama suatu jangka masa yang tetap.

(2) Suatu amanah Labuan hendaklah, melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam terma amanah itu, terus wujud selama suatu tempoh yang tiada had atau ditamatkan mengikut peruntukan Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), terma sesuatu amanah Labuan boleh membenarkan pemegang amanah untuk—

- (a) menetapkan suatu jangka masa tetap bagi sesuatu amanah Labuan;
- (b) menukarkan sesuatu amanah Labuan berjangka masa tetap menjadi suatu amanah Labuan yang tempohnya tiada had; atau
- (c) mengubah, dengan mengehadkan atau melanjutkan, jangka masa sesuatu amanah Labuan.”.

Pindaan seksyen 17

21. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “offshore”, “An offshore” dan “an offshore”, di mana-mana jua terdapat, masing-masing dengan perkataan “Labuan”, “A Labuan” dan “a Labuan”; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 18

22. Subseksyen 18(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 19

23. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tanpa menjejaskan kuasa Mahkamah di bawah subseksyen (4) dan walau apa pun apa-apa jua yang bertentangan dalam terma amanah itu, jika semua benefisiari suatu amanah Labuan itu wujud dan telah dipastikan dan tiada seorang pun daripada mereka merupakan orang belum dewasa atau orang yang tidak upaya di sisi undang-undang, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana benefisiari atau pemegang amanah, memerintahkan pemegang amanah untuk menamatkan amanah itu dan membahagikan harta amanah itu di kalangan benefisiari sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa penamatan itu tidak bertentangan dengan apa-apa maksud atau matlamat material amanah itu.”; dan

- (c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan perkataan “menurut subseksyen (1)” selepas perkataan “amanah itu ditamatkan”.

Pindaan seksyen 21

24. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan Bahagian III

25. Tajuk Bahagian III Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “LUAR PESISIR” dengan perkataan “LABUAN”.

Pindaan seksyen 22**26. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(3)” dengan perkataan “seksyen 11A dan 11B”;
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”; dan
- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Terma sesuatu amanah Labuan boleh termasuk—

- (a) penambahan orang sebagai benefisiari;
- (b) mengetepikan benefisiari daripada keuntungan;
- (c) pengenaan ke atas benefisiari tentang obligasi sebagai syarat untuk sesuatu faedah; atau
- (d) kuasa untuk mengisytiharkan bahawa mana-mana orang hendaklah terhenti menjadi benefisiari.”

Pindaan seksyen 23**27. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 23 dengan seksyen yang berikut:****“Penolak tuntutan**

23. (1) Walau apa pun terma amanah, seseorang benefisiari boleh menolak tuntutan, sama ada secara kekal atau bagi apa-apa tempoh yang dinyatakannya, keseluruhan atau mana-mana bahagian kepentingannya di bawah suatu amanah Labuan sama ada benefisiari itu telah menerima apa-apa faedah daripada kepentingan itu atau tidak.

(2) Sesuatu penolak tuntutan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis.

(3) Sesuatu penolak tuntutan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh, tertakluk kepada terma amanah itu, boleh dibatalkan dan hendaklah dijalankan dengan cara dan di bawah hal keadaan yang dinyatakan.

(4) Sesuatu penolak tuntutan yang dibuat di bawah subseksyen (1) tidak boleh menjejaskan hak dan kepentingan benefisiari itu sebelum penolak tuntutan itu.”.

Pindaan seksyen 24

28. Seksyen 24 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (1).

Pindaan seksyen 26

29. Subseksyen 26(2) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a)—

- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “shall be a” perkataan “Labuan”; dan
- (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “syarikat amanah” perkataan “Labuan”; dan

(b) dalam perenggan (b)—

- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “shall be a” perkataan “Labuan”; dan
- (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “syarikat amanah” perkataan “Labuan”.

Pindaan Bahagian IV

30. Tajuk Bahagian IV Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “LUAR PESISIR” dengan perkataan “LABUAN”.

Pindaan seksyen 30

31. Seksyen 30 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Sebagai tambahan kepada subseksyen (1), melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam terma amanah, seseorang pemegang amanah hendaklah, dalam melaksanakan kewajipannya dan menjalankan kuasa dan budi bicaranya, menggunakan ketelitian dan kemahiran yang munasabah, dengan mengambil kira khususnya—

(a) apa-apa pengetahuan atau pengalaman khas yang ada padanya atau yang dikatakan ada padanya pengetahuan atau pengalaman khas itu; dan

(b) jika dia bertindak sebagai pemegang amanah dalam perjalanan suatu perniagaan atau profesion, apa-apa pengetahuan atau pengalaman khas yang boleh dijangkakan dengan munasabah berkenaan dengan seseorang yang bertindak dalam perjalanan perniagaan atau profesion daripada jenis itu.

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Jika kuasa yang dinyatakan dalam subseksyen 8B(2) telah dikhaskan atau diberikan oleh pembuat amanah, seseorang pemegang amanah yang bertindak mengikut perjalanan kuasa itu tidak dikatakan bertindak sebagai pecah amanah.”.

Pindaan seksyen 31

32. Seksyen 31 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Jika terma amanah itu memberi pemegang amanah kuasa untuk bertindak secara majoriti, seseorang pemegang amanah yang tidak setuju dengan keputusan majoriti pemegang amanah itu hendaklah merekodkan ketidaksetujuannya secara bertulis.”.

Pindaan seksyen 33

33. Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “mengikut terma-terma amanah itu” perkataan “dan peruntukan Akta ini”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Seseorang pemegang amanah boleh, melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam terma-terma amanah itu—

(a) menginsuranskan apa-apa harta yang tertakluk kepada amanah itu terhadap risiko kehilangan atau kerugian berbangkit daripada apa-apa kejadian; dan

(b) membayar premium daripada apa-apa pendapatan atau wang modal amanah itu.”.

Seksyen baru 33A dan 33B

34. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 33 seksyen yang berikut:

“Kuasa pelaburan pemegang amanah

33A. (1) Pada menjalankan mana-mana kuasa pelaburan, seseorang pemegang amanah hendaklah mematuhi kriteria pelaburan standard di bawah subseksyen (3).

(2) Seseorang pemegang amanah hendaklah, dari semasa ke semasa, mengkaji semula pelaburan amanah dan menimbangkan sama ada, dengan mengambil kira kriteria pelaburan standard, pelaburan itu perlu diubah.

(3) Kriteria pelaburan standard, berhubung dengan suatu amanah, adalah seperti yang berikut:

- (a) kesesuaian pelaburan daripada jenis yang sama dengan apa-apa pelaburan tertentu yang dicadangkan dibuat atau disimpan dan mengenai pelaburan tertentu itu sebagai suatu pelaburan daripada jenis itu dengan amanah itu; dan
- (b) keperluan untuk mempelbagaikan pelaburan amanah, setakat yang sesuai dengan hal keadaan amanah itu.

(4) Pemakaian seksyen ini hendaklah terpakai setakat yang seksyen ini selaras dengan terma-terma amanah Labuan.

Nasihat berhubung dengan pelaburan

33B. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh subseksyen (2), seseorang pemegang amanah hendaklah, sebelum menjalankan apa-apa kuasa pelaburan, mendapatkan dan menimbangkan nasihat yang sepatutnya yang berhubungan dengan cara bagaimana kuasa itu patut dijalankan, dengan mengambil kira kriteria pelaburan standard.

(2) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh subseksyen (3), seseorang pemegang amanah hendaklah, apabila mengkaji semula pelaburan amanah itu, mendapatkan dan menimbangkan nasihat yang sepatutnya mengenai sama ada pelaburan itu patut diubah, dengan mengambil kira kriteria pelaburan standard.

(3) Seseorang pemegang amanah tidak perlu mendapatkan nasihat yang sepatutnya yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) atau (2), sekiranya dia memutuskan secara munasabah bahawa tidak perlu atau tidak wajar untuk mendapatkan nasihat yang sepatutnya itu dalam semua hal keadaan itu.

(4) Dalam seksyen ini, “nasihat yang sepatutnya” ertinya nasihat daripada seseorang yang dipercayai dengan munasabahnya oleh pemegang amanah sebagai layak untuk memberikan nasihat itu kerana kebolehannya dalam, dan pengalaman praktikalnya mengenai, kewangan dan perkara lain yang berhubungan dengan pelaburan yang dicadangkan itu.

(5) Seksyen ini hendaklah terpakai setakat keselarasannya dengan terma-terma amanah Labuan itu.”.

Pindaan seksyen 35

35. Seksyen 35 Akta itu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Mana-mana orang yang telah cukup umur dan sempurna akalnya atau mana-mana pertubuhan perbadanan, mana-mana firma, perkongsian atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, boleh dilantik sebagai pelindung.”.

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “boleh dianggap sebagai seorang pemegang amanah.” perkataan “dan melainkan jika diperuntukkan selainnya di bawah terma-terma amanah itu, tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada benefisiari atau pemegang amanah bagi penjalanan kuasa secara *bona fide*”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Terma sesuatu amanah boleh memberikan kuasa kepada pelindung—

(a) untuk menyingkirkan pemegang amanah dan melantik pemegang amanah yang baru atau tambahan, tetapi jika pelindung menyingkirkan suatu syarikat amanah sebagai pemegang amanah, pelindung hendaklah melantik suatu lagi syarikat amanah sebagai pemegang amanah baru bagi menggantikannya;

- (b) untuk menentukan undang-undang yang bidang kuasanya hendaklah menjadi undang-undang sepatutnya bagi amanah itu, sekiranya tidak dinyatakan dalam surat ikatan amanah oleh pembuat amanah;
 - (c) untuk menukar tempat pentadbiran bagi amanah itu; dan
 - (d) untuk enggan memberikan persetujuan bagi tindakan pemegang amanah yang tertentu sama ada dengan bersyarat atau tanpa bersyarat.”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:
- “(4) Pelindung sesuatu amanah boleh juga menjadi pembuat amanah atau benefisiari amanah itu.
 - (5) Jika terdapat lebih daripada seorang pelindung amanah, apa-apa fungsi yang diberikan kepada pelindung itu boleh dijalankan, tertakluk kepada terma-terma amanah, oleh majoriti pelindung itu.
 - (6) Pelindung yang tidak setuju dengan keputusan majoriti pelindung itu boleh menghendaki ketidaksetujuannya itu direkodkan secara bertulis.
 - (7) Pelindung yang menjalankan mana-mana satu atau lebih daripada kuasa yang diberikan oleh terma-terma amanah itu tidak boleh semata-mata kerana penjalanan kuasa sedemikian disifatkan sebagai pemegang amanah.
 - (8) Seseorang boleh mengenakan caj saraan yang munasabah bagi perkhidmatannya sebagai pelindung melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh surat cara amanah itu.”.

Pindaan seksyen 36

36. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 36 dengan seksyen yang berikut:

“Pewakilan kuasa oleh pemegang amanah

36. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, pemegang amanah boleh mewakilkan mana-mana atau kesemua kuasa dan fungsinya yang boleh diwakilkan kepada mana-mana orang sebagai ejennya atas apa-apa terma tentang saraan dan perkara lain sebagaimana yang ditentukannya.

(2) Dalam hal sesuatu amanah selain amanah khairat, pemegang amanah boleh mewakilkan mana-mana kuasa atau fungsi di bawah Akta ini dan amanah itu kecuali—

- (a) apa-apa fungsi yang berhubungan dengan cara bagaimana apa-apa harta amanah Labuan itu patut dibahagikan;
- (b) apa-apa kuasa untuk memutuskan sama ada apa-apa fi atau bayaran lain yang kena dibuat daripada wang amanah patut dibuat daripada pendapatan atau modal;
- (c) apa-apa kuasa untuk melantik seseorang menjadi pemegang amanah bagi amanah itu; atau
- (d) apa-apa kuasa yang diberikan oleh surat cara amanah yang membenarkan pemegang amanah untuk mewakilkan apa-apa fungsinya atau untuk melantik seseorang untuk bertindak sebagai penama atau penjaga.

(3) Dalam hal suatu amanah khairat, pemegang amanah boleh mewakilkan fungsinya seperti yang berikut:

- (a) apa-apa fungsi yang berhubungan dengan melaksanakan sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh pemegang amanah;
- (b) apa-apa fungsi yang berhubungan dengan pelaburan harta tertakluk kepada amanah itu (termasuklah, dalam hal tanah yang dipegang sebagai pelaburan, mengurus tanah itu dan mewujudkan atau melupuskan suatu kepentingan mengenai tanah itu); dan

- (c) apa-apa fungsi yang berhubungan dengan cara meningkatkan kumpulan wang amanah itu selain melalui cara keuntungan perdagangan yang menjadi suatu bahagian penting dalam menjalankan maksud khairat amanah itu.

(4) Bagi maksud perenggan (3)(c), sesuatu perdagangan adalah bererti suatu bahagian penting dalam menjalankan maksud khairat amanah jika keuntungan itu digunakan semata-mata bagi maksud amanah itu dan sama ada—

- (a) perdagangan itu dijalankan dalam penjalanan sebenar maksud utama amanah itu; atau
- (b) kerja yang berkaitan dengan perdagangan itu sebahagian besarnya dijalankan oleh benefisiari amanah itu.

(5) Pemegang amanah tidak boleh mewakili kuasanya kepada mana-mana orang yang bertindak sebagai ejennya atas mana-mana terma yang berikut melainkan jika menjadi perlu secara munasabahnya untuk berbuat demikian:

- (a) suatu terma yang membenarkan ejen itu melantik seorang pengganti;
- (b) suatu terma yang menyekat liabiliti ejen atau penggantinya kepada pemegang amanah atau mana-mana benefisiari; atau
- (c) suatu terma yang membenarkan ejen itu bertindak dalam hal keadaan yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan.

(6) Pemegang amanah yang dengan suci hati dan tidak abai membuat suatu pelantikan atau perwakilan mengikut peruntukan Akta ini tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian kepada amanah yang berbangkit akibat pelantikan atau perwakilan itu atau daripada mana-mana orang yang dilantik atau wakil jika pemegang amanah itu telah menggunakan kemahiran dan ketelitian yang sewajarnya semasa memilih orang yang dilantik atau wakil itu.”.

Seksyen baru 36A dan 36B

37. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36 seksyen yang berikut:

“Pewakilan kuasa berhubung dengan fungsi pengurusan harta

36A. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap amanah melainkan jika selainnya dikecualikan secara nyata oleh terma-terma amanah.

(2) Pemegang amanah tidak boleh mewakilkan fungsi pengurusan hartanya kepada mana-mana orang sebagai ejennya kecuali melalui suatu perjanjian dalam bentuk bertulis atau yang dibuktikan secara bertulis dan melainkan jika—

(a) pemegang amanah itu telah memberikan kepada orang itu suatu pernyataan yang memberi panduan bertulis tentang bagaimana fungsi itu patut dijalankan (kemudian daripada ini disebut “pernyataan dasar”); dan

(b) perjanjian yang di bawahnya ejen itu bertindak termasuk suatu terma yang mempunyai kesan bahawa dia akan mematuhi—

(i) pernyataan dasar itu; atau

(ii) sekiranya pernyataan dasar itu diubah atau digantikan, pernyataan dasar yang telah diubah atau digantikan itu.

(3) Pemegang amanah hendaklah merangka apa-apa panduan yang diberikan dalam pernyataan dasar itu dengan tujuan untuk memastikan bahawa fungsi itu akan dijalankan demi kebaikan amanah itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini, fungsi pengurusan aset pemegang amanah adalah fungsi mereka yang berhubung dengan—

(a) pelaburan aset tertakluk kepada amanah itu;

- (b) pemerolehan harta yang hendaklah tertakluk kepada amanah itu; dan
- (c) pengurusan harta yang tertakluk kepada amanah dan pelupusan, atau pewujudan atau pelupusan suatu kepentingan dalam, harta itu.

Kajian semula ejen

36B. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap amanah melainkan jika selainnya dikecualikan secara nyata oleh terma-terma amanah.

(2) Jika seseorang ejen dilantik untuk menjalankan apa-apa fungsi pemegang amanah yang boleh diwakilkan, pemegang amanah hendaklah mempunyai kewajipan:

- (a) mengkaji semula perkiraan yang di bawahnya ejen itu bertindak dan cara bagaimana perkiraan itu dilaksanakan; dan
- (b) menjalankan apa-apa kuasa campur tangan yang ada padanya jika hal keadaan menjadikannya wajar berbuat demikian.

(3) Sekiranya ejen itu telah diberi kuasa untuk menjalankan fungsi pengurusan harta, kewajipan di bawah subseksyen 36A(2) hendaklah termasuk—

- (a) suatu kewajipan untuk menimbangkan sama ada wujudnya apa-apa keperluan untuk mengkaji semula atau menggantikan pernyataan dasar yang dibuat bagi maksud seksyen 36A;
- (b) sekiranya pemegang amanah berpendapat bahawa pernyataan dasar itu perlu dikaji semula atau digantikan, kewajipan untuk berbuat demikian; dan
- (c) kewajipan untuk menilai sama ada pernyataan dasar itu dipatuhi.

(4) Dalam seksyen ini, “kuasa campur tangan” termasuk—

- (a) kuasa untuk memberikan arahan kepada ejen; dan

- (b) kuasa untuk membatalkan perwakilan kuasa dan fungsi kepada ejen atau pelantikan ejen itu.”.

Pindaan seksyen 41

38. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 41 seksyen yang berikut:

“Hak kepada maklumat

41. (1) Pemegang amanah hendaklah, apabila menerima sesuatu permintaan, memberikan maklumat yang tepat tentang keadaan dan amaun harta amanah dan penjalanan pentadbiran amanah—

- (a) kepada Mahkamah;
- (b) kepada pembuat amanah, penguat kuasa atau pelindung amanah itu, melainkan jika pemegang amanah itu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu membuat permintaan itu disebabkan oleh dures; atau
- (c) jika terma-terma amanah membenarkan sedemikian—
 - (i) kepada mana-mana benefisiari yang mempunyai kepentingan terletak hak pada amanah itu; atau
 - (ii) kepada khairat yang disebut dalam surat cara amanah itu melalui namanya sebagai benefisiari di bawah amanah itu.

(2) Tertakluk kepada terma-terma amanah dan apa-apa perintah yang diberikan oleh Mahkamah atas alasan khas dan berkecuali, pemegang amanah atau orang lain tidak boleh dikehendaki supaya mendedahkan kepada mana-mana orang lain yang tidak layak kepadanya di bawah subseksyen (1) apa-apa dokumen atau maklumat yang mendedahkan—

- (a) pertimbangtelitiannya tentang bagaimana dia patut menjalankan atau telah menjalankan fungsinya sebagai pemegang amanah;

- (b) sebab-sebab bagi apa-apa keputusan dibuat pada menjalankan fungsi-fungsi itu;
- (c) apa-apa benda yang berdasarkannya keputusan itu telah atau mungkin dibuat;
- (d) mana-mana bahagian akaun amanah itu; atau
- (e) apa-apa surat hasrat yang diberikan oleh pembuat amanah atau benefisiari.

(3) Walau apa pun terma-terma amanah—

- (a) Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat kepadanya, mengisytiharkan bahawa dalam hal keadaan tertentu yang terma-terma amanah tidak memperuntukkan pemegang amanah bertanggungjawab terhadap benefisiari-benefisiari atau mana-mana antara mereka dengan secukupnya atau sepatutnya; dan
- (b) Mahkamah boleh, menurut pengisytiharan tersebut, melanjutkan atau mengehadkan hak-hak kepada maklumat kesemua atau mana-mana benefisiari berhubung dengan amanah atau boleh membuat perintah lain yang difikirkannya patut.

(4) Kecuali sebagaimana yang dikehendaki, dibenarkan atau selainnya diperuntukkan oleh Akta ini, atau oleh terma-terma amanah atau sebagaimana yang perlu bagi maksud amanah itu, dan walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang lain—

- (a) tiap-tiap pemegang amanah dan tiap-tiap orang lain hendaklah pada setiap masa menganggap dan memperlakukan semua dokumen dan maklumat berhubung dengan sesuatu amanah sebagai rahsia dan sulit;
- (b) tiada pemegang amanah atau orang lain boleh pada bila-bila masa dikehendaki untuk mengemukakan kepada atau di hadapan mana-mana mahkamah, tribunal, lembaga, jawatankuasa penyiasatan atau mana-mana pihak berkuasa yang lain atau menzahirkan kepada mana-mana pihak berkuasa itu apa-apa perkara atau benda yang sampai kepada pengetahuannya atau ada

dalam milikannya kerana apa-apa sebab jua pun, jika perkara atau benda itu berhubungan dengan sesuatu amanah.

(5) Mana-mana pemegang amanah atau orang lain yang, kecuali sebagaimana yang dikehendaki, dibenarkan atau selainnya diperuntukkan oleh Akta ini, atau oleh terma-terma amanah itu atau oleh Mahkamah, pada bila-bila masa menyampaikan atau cuba untuk menyampaikan apa-apa perkara atau benda berhubungan dengan sesuatu amanah kepada mana-mana orang melakukan suatu kesalahan.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 42

38. Seksyen 42 Akta itu dipinda—

- (a) dengan memotong subseksyen (2) dan (3);
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen yang berikut:

“(9A) Suatu terma amanah yang melepaskan pemegang amanah daripada liabiliti bagi pecah amanah tidak boleh dikuatkuasakan pada takat yang ia—

- (a) melepaskan pemegang amanah itu daripada liabiliti bagi pecah amanah yang dilakukan dengan niat jahat atau dengan sikap tidak peduli mengenai maksud amanah itu atau kepentingan benefisiari; atau
- (b) telah dimasukkan berbangkit daripada penyalahgunaan perhubungan fidusiari atau kerahsiaan oleh pemegang amanah dengan pembuat amanah.

(9B) Tertakluk kepada subseksyen (9C), pemegang amanah tidak boleh dipertanggungkan kepada benefisiari bagi pecah amanah sekiranya benefisiari—

- (a) bersetuju dengan kelakuan yang menjadi pecah amanah itu;

- (b) melegakan pemegang amanah daripada liabiliti bagi pecah amanah itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (9); atau
- (c) meratifikasikan transaksi yang menjadi pecah amanah itu, melainkan jika—
 - (A) persetujuan, pelepasan atau ratifikasi benefisiari itu telah didorong oleh kelakuan tidak wajar pemegang amanah itu; atau
 - (B) pada masa persetujuan, pelepasan, atau ratifikasi itu, benefisiari itu tidak mengetahui haknya atau fakta material yang berhubungan dengan pecah amanah itu.

(9c) Tiada apa-apa jua dalam terma amanah boleh melegakan, melepaskan atau membebaskan pemegang amanah daripada liabiliti bagi pecah amanah yang berbangkit daripada perbuatan fraud, salah laku sengaja atau kecuaiian melampau pemegang amanah itu sendiri.”; dan

(c) dengan memotong subseksyen (11).

Seksyen baru 42A dan 42B

40. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 42 seksyen yang berikut:

“Pencegahan pecah amanah

42A. Mahkamah boleh, dalam mencegah pecah amanah daripada berlaku, membuat perintah untuk—

- (a) memaksa pemegang amanah untuk melaksanakan kewajipan pemegang amanah;
- (b) menahan pemegang amanah daripada melakukan pecah amanah;
- (c) melantik fidusiari khas untuk mengambil milikan harta amanah itu dan mentadbirkan amanah itu;
- (d) menggantung pemegang amanah itu; atau
- (e) menyingkirkan pemegang amanah itu.

Remedi kerana pecah amanah

42B. Mahkamah boleh, untuk meremedikan pecah amanah yang telah berlaku, membuat perintah untuk—

- (a) memaksa pemegang amanah untuk melaksanakan kewajipan pemegang amanah;
- (b) memaksa pemegang amanah untuk menebus rugi pecah amanah dengan membayar wang, mengembalikan harta atau cara lain;
- (c) memerintahkan pemegang amanah bertanggung kepada pecah amanah tersebut;
- (d) melantik fidusiari khas untuk mengambil milikan harta amanah itu dan mentadbirkan amanah itu;
- (e) menggantung pemegang amanah itu;
- (f) menyingkirkan pemegang amanah itu;
- (g) mengurangkan atau menafikan pampasan kepada pemegang amanah itu;
- (h) tertakluk kepada seksyen 44, menidaksahkan tindakan pemegang amanah itu, mengenakan *lien* atau amanah konstruktif atas harta amanah itu, atau mengesan harta amanah yang telah dilupuskan dengan salah dan mendapatkan balik harta itu atau hasilnya; atau
- (i) memberikan apa-apa relief lain yang sesuai”.

Pindaan seksyen 46

41. Seksyen 46 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Melainkan jika pemegang amanah bersama terus memegang jawatannya atau Mahkamah memerintahkan selainnya, dan sehinggalah harta amanah itu dihantar serah kepada pemegang amanah pengganti atau orang lain yang berhak kepadanya, pemegang amanah yang telah berhenti atau telah disingkirkan hendaklah terus mempunyai kewajipan pemegang amanah dan kuasa yang perlu untuk melindungi harta itu.”.

Bahagian baru IVA

42. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 46 Bahagian IV Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IVA**AMANAH KHAS LABUAN****Pemakaian Bahagian ini**

46A. Peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai hanya jika terma-terma amanah memperuntukkan dengan nyata dan mengisytiharkan amanah itu sebagai Amanah Khas Labuan.

Tafsiran

46B. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“penyiasat yang dilantik”, berhubung dengan suatu amanah, ertinya mana-mana orang yang mengikut terma-terma amanah dilantik untuk membuat tuntutan campur tangan;

“perniagaan”, berhubung dengan suatu syarikat, termasuk pemegangan syer atau aset lain dan aktiviti bukan komersial;

“risiko perniagaan”, berhubung dengan sesuatu syarikat, termasuk—

- (a) apa-apa risiko yang terikat kepada apa-apa perniagaan syarikat, atau apa-apa syarikat berkaitan, apabila dijalankan mengikut cara yang ia pada hakikatnya telah dijalankan; atau
- (b) apa-apa risiko yang boleh dijangkakan terikat kepada mana-mana perniagaan syarikat itu yang diunjurkan;

“syarikat”, berhubung dengan syer yang ditetapkan, ertinya syarikat Labuan atau liabiliti perkongsian terhad Labuan yang

ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2009 yang telah mengeluarkan syer yang ditetapkan itu;

“syer yang ditetapkan” ertinya syer dalam syarikat Labuan atau faedah perkongsian dalam liabiliti perkongsian terhad Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2009 yang terkandung dalam kumpulan wang amanah dan yang berkenaan dengannya suatu arahan sah di bawah seksyen 46D(1) yang telah dibuat;

“pemegang amanah yang ditetapkan” ertinya suatu syarikat yang didaftarkan sebagai syarikat amanah Labuan di bawah Bahagian V Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat amanah di Labuan;

“pelupusan”, berhubung dengan syer yang ditetapkan, termasuk—

- (a) penjalanan kuasa mengundi yang membawa kepada, atau yang boleh membawa kepada, pelikuidasian syarikat atau pembatalan syer atau apa-apa hak yang terikat padanya; dan
- (b) pewujudan apa-apa kepentingan di sisi undang-undang atau saksama dalam syer;

“orang berkepentingan”, berhubung dengan suatu amanah, ertinya—

- (a) benefisiari amanah itu;
- (b) objek suatu kuasa budi bicara ke atas apa-apa modal atau pendapatan amanah itu;
- (c) ibu atau bapa atau penjaga di sisi undang-undang kepada mana-mana orang belum dewasa yang termasuk dalam perenggan (a) atau (b);
- (d) penguat kuasa;
- (e) pelindung; atau
- (f) penyiasat yang dilantik;

“tuntutan campur tangan” ertinya tuntutan oleh orang berkepentingan di bawah subseksyen 46H(1) untuk pemegang amanah campur tangan dalam hal ehwal syarikat;

“penjaga di sisi undang-undang”, berhubung dengan orang belum dewasa, ertinya orang yang diiktiraf menurut undang-undang sebagai penjaga orang belum dewasa itu dalam mana-mana bidang kuasa yang orang belum dewasa mempunyai hubungan yang rapat dengannya;

“kaedah-kaedah jawatan pengarah” ertinya kaedah-kaedah yang disebut dalam subseksyen 46G(1) dan apa-apa pindaan yang dibuat kepada kaedah-kaedah itu yang sedang berkuat kuasa;

“amanah”, berhubung dengan syer yang ditetapkan, ertinya amanah yang baginya syer yang ditetapkan itu dipegang;

“kumpulan wang amanah”, berhubung dengan suatu amanah, ertinya harta yang sedang tertakluk kepada amanah.

(2) Dalam Bahagian ini—

- (a) sebutan mengenai kuasa mengundi berkenaan dengan syer hendaklah dianggap sebagai termasuk sebutan mengenai kuasa untuk mengarahkan pengundian syer yang dipegang oleh penama;
- (b) sebutan, berhubung dengan suatu amanah, kepada seorang pelindung termasuk seseorang atau jawatankuasa yang keizinannya diperlukan bagi penjalanan mana-mana kuasa;
- (c) sebutan mengenai memorandum dan perkara-perkara suatu syarikat adalah mengenai sebutan kepada memorandum persatuan dan perkara persatuan syarikat itu;
- (d) suatu syarikat hendaklah dianggap berkaitan dengan suatu syarikat yang lain sekiranya—
 - (i) syarikat lain itu memegang, secara langsung atau melalui penama, syer dalam syarikat lain itu;
 - (ii) syarikat itu dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang lain itu; atau

- (iii) syarikat itu berkaitan dengan suatu syarikat yang berkaitan dengan syarikat yang lain itu;
- (e) suatu alasan bagi aduan berkenaan dengan penjalanan hal ehwal sesuatu syarikat adalah dibenarkan jika ia dinyatakan sedemikian dalam surat cara amanah, dan ungkapan “alasan dibenarkan bagi aduan” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;
- (f) sebutan mengenai “syer”, “pengarah”, “dividen-dividen” dan “memorandum dan perkara-perkara suatu syarikat” berhubung dengan syer yang ditetapkan hendaklah, jika syer yang ditetapkan adalah berkaitan dengan liabiliti perkongsian terhad Labuan, merupakan sebutan kepada “unit-unit perkongsian”, “rakan kongsi yang ditetapkan”, “pengagihan” dan “persefahaman perkongsian” masing-masing dan peruntukan-peruntukan dalam Bahagian ini hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Maksud utama Bahagian ini

46c. Maksud utama Bahagian ini ialah untuk membolehkan suatu amanah syer syarikat ditubuhkan yang di bawahnya—

- (a) syer itu boleh dipegang simpan untuk selama-lamanya; dan
- (b) pengurusan syarikat itu boleh dijalankan oleh pengarahnya tanpa apa-apa kuasa campur tangan dijalankan oleh pemegang amanah.

Syer yang ditetapkan

46d. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), jika sesuatu amanah memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subseksyen (4), terma-terma amanah boleh mengarahkan supaya peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai—

- (a) bagi semua syer yang terkandung dalam kumpulan wang amanah itu; atau
- (b) bagi apa-apa syer yang terkandung dalam kumpulan wang amanah yang dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), syer yang terkandung dalam kumpulan wang amanah hendaklah dikira sebagai termasuk syer yang akan menjadi terkandung dalam kumpulan wang amanah itu pada bila-bila masa selepas pewujudan amanah itu, sama ada ditambah kepada kumpulan wang amanah itu melalui penyelesaian tambahan oleh pembuat amanah asal atau mana-mana orang lain, diperoleh atas terbitan baru oleh syarikat atau dalam perjalanan pengurusan atau pentadbiran kumpulan wang itu, atau diperoleh mengikut apa-apa cara lain.

(3) Suatu arahan di bawah subseksyen (1) tidak boleh dibuat berkenaan dengan syer yang ditambah ke dalam kumpulan wang amanah oleh pemegang amanah bagi amanah yang lain dalam menjalankan kuasa dalam amanah yang lain itu.

(4) Syarat yang disebut dalam subseksyen (1) adalah seperti yang berikut:

- (a) amanah itu diwujudkan oleh atau atas terma-terma surat cara wasiat bertulis atau surat cara *inter vivos*;
- (b) pemegang amanah yang ditetapkan ialah pemegang amanah tunggal bagi amanah itu;
- (c) terma-terma amanah itu menghendaki supaya mana-mana pemegang amanah pengganti (pengantara atau langsung) ialah pemegang amanah yang ditetapkan yang bertindak sebagai pemegang amanah tunggal; dan
- (d) amanah itu tidak diwujudkan dalam menjalankan kuasa yang diberikan oleh amanah yang lain.

(5) Suatu arahan di bawah subseksyen (1) boleh mengenal pasti syer yang dengannya berkaitan sama ada secara khusus atau melalui perihalan am.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (7), jika seseorang yang merupakan pembuat amanah berhubung dengan amanah syer yang ditetapkan dan harta tambahan diselesaikan atas terma-terma amanah itu oleh orang lain, orang yang mula-mula disebut itu hendaklah dikira sebagai pembuat amanah berhubung dengan amanah harta tambahan itu bagi maksud Bahagian ini.

(7) Sekiranya surat cara amanah memperuntukkan bahawa subseksyen (6) tidak terpakai, maka, dalam hal amanah yang terdiri daripada harta yang telah disediakan oleh lebih daripada seorang, Akta ini hendaklah terpakai seolah-olah setiap orang telah mewujudkan suatu amanah berasingan berhubung dengan harta yang disediakannya.

Kewajipan pemegang amanah berhubung dengan syer yang ditetapkan

46E. (1) Tertakluk kepada seksyen 46I, syer yang ditetapkan hendaklah dipegang oleh pemegang amanah atas amanah untuk memegang simpannya.

(2) Kewajipan pemegang amanah untuk memegang simpan syer yang ditetapkan itu hendaklah mempunyai keutamaan ke atas apa-apa kewajipan untuk memelihara atau meningkatkan nilai kumpulan wang amanah itu.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), pemegang amanah tidak bertanggungjawab bagi kerugian yang berbangkit secara langsung atau tidak langsung daripada pemegangan syer yang ditetapkan, termasuklah kerugian yang berbangkit daripada mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) ketiadaan atau ketidakcukupan pulangan kewangan daripada mana-mana syer yang ditetapkan;
- (b) penurunan nilai mana-mana syer yang ditetapkan;
- (c) apa-apa perbuatan atau peninggalan pengarah syarikat, tanpa mengira sama ada perbuatan atau peninggalan itu dibuat atau dilakukan dengan suci hati atau tidak;
- (d) pelikuidasian atau penerima syarikat itu;
- (e) turun naik pasaran syer;
- (f) kehilangan peluang untuk membuat keuntungan daripada pelaburan semula hasil syer yang ditetapkan; atau
- (g) liabiliti dan perbelanjaan syarikat itu, termasuklah saraan dan perbelanjaan pengarah.

(4) Tiap-tiap sebutan dalam subseksyen (3) mengenai syarikat hendaklah termasuk sebutan mengenai mana-mana perbadanan yang berkaitan dengannya.

Sekatan ke atas kuasa pemegang amanah

46f. (1) Tertakluk kepada terma-terma amanah dan kepada seksyen 46G dan 46H, obligasi yang ditentukan dalam subseksyen (2) dan (3) hendaklah terpakai bagi pemegang amanah syer yang ditetapkan.

(2) Kuasa mengundi atau kuasa lain berkenaan dengan syer yang ditetapkan tidak boleh dijalankan oleh pemegang amanah untuk campur tangan dalam pengurusan atau penjalanan mana-mana perniagaan syarikat, dan khususnya, pemegang amanah—

- (a) hendaklah meninggalkan penjalanan tiap-tiap perniagaan sedemikian, dan semua keputusan tentang pembayaran atau perbuatan tidak membayar dividen, kepada pengarah syarikat; dan
- (b) tidak boleh menghendaki pengisytiharan atau pembayaran apa-apa dividen oleh syarikat atau menjalankan apa-apa kuasa yang dipunyai oleh pemegang amanah untuk memaksa perisytiharan atau pembayaran sedemikian.

(3) Pemegang amanah syer yang ditetapkan tidak boleh—

- (a) memulakan atau menyokong apa-apa tindakan oleh syarikat terhadap mana-mana pengarahnya bagi pelanggaran kewajipan terhadap syarikat;
- (b) mendapatkan pelantikan atau penyingkiran mana-mana pengarah;
- (c) tertakluk kepada seksyen 46i, menggulungkan syarikat itu; dan
- (d) tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, memohon kepada Mahkamah apa-apa bentuk relief atau remedi berkaitan dengan syarikat.

Peruntukan yang berhubungan dengan pengarah

46G. (1) Surat cara amanah boleh mengandungi kaedah-kaedah bagi menentukan cara pengundian dan kuasa lain berkenaan dengan syer yang ditetapkan patut dijalankan oleh pemegang amanah berhubung dengan—

- (a) pelantikan pengarah syarikat;
- (b) penyingkiran pengarah;
- (c) ganjaran pengarah; atau
- (d) apa-apa perkara yang disebut dalam subseksyen (2),

dan boleh membuat peruntukan bagi kaedah-kaedah itu untuk dipinda.

(2) Kaedah-kaedah jawatan pengarah boleh, secara khususnya—

- (a) menghendaki pemegang amanah untuk memastikan bahawa orang tertentu memegang atau mengekalkan jawatan sebagai pengarah;
- (b) menghendaki mana-mana orang dilantik ke jawatan pengarah pada suatu tarikh hadapan atau apabila berlakunya sesuatu kejadian pada masa hadapan;
- (c) menghendaki penyingkiran pengarah dalam hal keadaan yang dinyatakan;
- (d) menetapkan, tertakluk kepada kehendak memorandum dan perkara-perkara suatu syarikat dan apa-apa undang-undang bertulis yang terpakai bagi syarikat itu, bilangan minimum dan maksimum pengarah untuk memegang jawatan pada bila-bila masa;
- (e) menghendaki pemegang amanah, berhubung dengan pelantikan dan penyingkiran pengarah, untuk bertindak secara am atau dalam apa-apa hal keadaan tertentu atas keputusan pihak ketiga atau jawatankuasa;
- (f) memperuntukkan bagi kewajipan berbincang atau fidusiari atas seseorang atau jawatankuasa yang disebut dalam perenggan (e); atau

(g) memperuntukkan bagi penubuhan, penerusan, dan tatacara jawatankuasa yang disebut dalam perenggan (e).

(3) Tertakluk kepada subseksyen (9) dan seksyen 46H, pemegang amanah hendaklah pada setiap masa menggunakan kuasa mengundinya dan kuasa lain, setakat yang dibenarkan oleh kuasa itu, untuk memastikan—

(a) bahawa syarikat mempunyai sekurang-kurangnya bilangan pengarah yang minimum untuk memenuhi kehendak memorandum dan perkara-perkaraanya dan apa-apa undang-undang bertulis yang terpakai bagi syarikat itu; dan

(b) bahawa, kecuali dalam hal yang dikecualikan, identiti pengarah syarikat mematuhi kaedah-kaedah jawatan pengarah, jika ada, yang sedang terpakai.

(4) Tiada seorang pun yang menjadi atau yang kekal sebagai pengarah syarikat, sama ada disebabkan oleh kaedah-kaedah jawatan pengarah atau selainnya, boleh, atas sifatnya sebagai pengarah, mempunyai obligasi fidusiari atau obligasi lain di bawah amanah, atau mempunyai apa-apa obligasi fidusiari atau obligasi lain kepada pemegang amanah, tetapi tiada apa-apa dalam subseksyen ini boleh menyentuh apa-apa kewajipan yang orang itu terhutang, sebagai pengarah, kepada syarikat itu.

(5) Orang yang pelantikannya boleh diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah jawatan pengarah termasuk—

(a) seseorang pembuat amanah atau pelindung amanah; dan

(b) kedua-dua orang yang ditentukan dan boleh ditentukan.

(6) Pemegang amanah tidak menanggung apa-apa liabiliti kerana mendapatkan, membenarkan atau tidak membantah pelantikan seseorang pengarah jika pelantikan itu mematuhi kaedah-kaedah jawatan pengarah.

(7) Jika tidak terdapat kaedah-kaedah jawatan pengarah, dan dalam hal yang dikecualikan, pemegang amanah

tidak menanggung apa-apa liabiliti kerana mendapatkan, membenarkan, atau tidak membantah, pelantikan seseorang pengarah yang dipilih oleh pemegang amanah itu sendiri, sekiranya—

- (a) pemegang amanah itu memutuskan dengan suci hati bahawa pelantikan yang berkenaan itu selaras dengan hasrat pembuat amanah; dan
- (b) pemilihan itu tidak bermotivasikan hasrat di pihak pemegang amanah itu untuk mengurangkan risiko perniagaan, kecuali pada takat, sekiranya, bahawa pemegang amanah itu memutuskan dengan suci hati bahawa suatu pengurangan risiko itu adalah selaras dengan hasrat pembuat amanah.

(8) Bagi maksud seksyen ini, suatu hal dikecualikan ialah apa-apa hal yang sama ada—

- (a) kaedah-kaedah jawatan pengarah tidak membuat peruntukan mengenai hal itu; atau
- (b) terdapat peruntukan sedemikian dalam kaedah-kaedah itu membuat peruntukan itu tetapi pemegang amanah memutuskan dengan suci hati bahawa adalah tidak mungkin, tidak sah, tidak praktik, atau tidak selaras dengan hasrat pembuat amanah, untuk memastikan pematuhan kaedah-kaedah dalam hal keadaan itu.

(9) Pemegang amanah tidak mempunyai kewajipan untuk—

- (a) bertindak menurut subseksyen (3) melainkan jika dan sehingga ia menerima notis sebenar bahawa hal keadaan yang menghendaki tindakan sedemikian telah berbangkit; atau
- (b) menyiasat tentang sama ada hal keadaan yang menghendaki tindakan menurut subseksyen (3) wujud.

(10) Jika, atas apa-apa persoalan yang berkenaan dengan pelantikan pengarah, pemegang amanah membuat permohonan kepada Mahkamah di bawah seksyen 49, Mahkamah, dalam memberikan arahnya, tidak boleh bermaksud untuk

mengurangkan risiko perniagaan, kecuali pada takat, sekiranya, yang Mahkamah memutuskan bahawa pengurangan itu akan selaras dengan hasrat pembuat amanah.

Campur tangan oleh pemegang amanah dalam pengurusan dalam hal keadaan yang ditetapkan

46H. (1) Jika, berhubung dengan amanah syer yang ditetapkan, orang berkepentingan mempunyai aduan berkenaan dengan penjalanan hal ehwal syarikat, dan alasan bagi aduan itu dibenarkan, dia boleh, secara bertulis, menuntut pemegang amanah untuk campur tangan dalam hal ehwal syarikat itu untuk menangani aduan itu.

(2) Suatu surat cara amanah boleh menentukan satu alasan dibenarkan atau lebih alasan yang dibenarkan bagi aduan.

(3) Apabila menerima suatu tuntutan campur tangan, pemegang amanah hendaklah, sekiranya berpuas hati bahawa aduan itu berasas, mengambil apa-apa tindakan, sekiranya ada, yang difikirkannya sesuai untuk menangani aduan itu demi kepentingan amanah itu dan boleh termasuk seperti yang berikut:

- (a) membuat atau mendapatkan perubahan dalam jawatan pengarah syarikat itu mengikut peruntukan memorandum dan perkara-perkaranya dan apa-apa undang-undang bertulis yang terpakai bagi syarikat itu, tetapi selainnya atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh pemegang amanah, dengan syarat bahawa dalam pembuatan, pendapatan atau pengekalan apa-apa perubahan sedemikian, pemegang amanah boleh tidak mengambil kira perenggan 46G(3)(b) jika dan selagi, pada pendapat pemegang amanah itu, adalah suai manfaat untuk berbuat demikian bagi maksud menangani aduan itu;
- (b) mendapatkan tindakan oleh syarikat itu untuk mendapat balik apa-apa kerugian yang disebabkan oleh perbuatan yang membangkitkan aduan itu; atau
- (c) mendapatkan apa-apa nasihat mengenai aduan itu dan mengenai cara menguruskannya sebagaimana yang pemegang amanah fikirkan patut.

(4) Dalam menimbangkan dan mengambil tindakan di bawah subseksyen (3), pemegang amanah hendaklah—

(a) mengambil kira—

(i) apa-apa hasrat pembuat amanah; dan

(ii) pelaksanaan fungsi syarikat dengan efisien; dan

(b) tidak mengambil kira risiko perniagaan, kecuali pada takat bahawa—

(i) alasan bagi aduan itu terdiri daripada atau berbangkit daripada perbalahan di antara pengarah tentang risiko perniagaan; atau

(ii) apa-apa hasrat pembuat amanah yang menghendaki risiko perniagaan itu diambil kira.

(5) Selepas bertindak menurut subseksyen (3), atau memutuskan untuk tidak bertindak, obligasi pemegang amanah untuk campur tangan hendaklah berakhir melainkan jika dan sehinggalah suatu tuntutan campur tangan yang lain dibuat.

(6) Menjadi suatu alasan bagi menolak untuk bertindak atas suatu tuntutan campur tangan jika, selain apa-apa sebab lain untuk menolak, tuntutan itu dibuat yang sebahagian besar alasan yang sama yang dibuat sebelum ini, dan pemegang amanah mendapati bahawa tiada apa-apa sebab untuk mengubah, atau mengambil tindakan lanjut atas, keputusan yang telah dibuatnya dahulu.

(7) Jika suatu surat cara amanah menentukan satu atau lebih alasan yang dibenarkan bagi aduan itu, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

(a) orang berkepentingan boleh meminta pemegang amanah untuk memberikan apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal syarikat dan apa-apa syarikat berkaitan yang dikehendaki secara munasabahnya oleh orang itu untuk memutuskan sama ada

suatu tuntutan campur tangan adalah perlu, dan pemegang amanah hendaklah menggunakan segala usaha munasabah untuk memberikan maklumat itu dan boleh, jika didapati perlu bagi maksud ini, mendapatkan penggantian mana-mana pengarah oleh wakil pemegang amanah itu sendiri;

(b) jika terdapat seorang penyiasat dilantik dia hendaklah mempunyai kewajipan yang berikut:

(i) kewajipan untuk membuat siasatan munasabah tentang sama ada wujudnya alasan dibenarkan bagi aduan seberapa kerap yang ternyata sesuai dalam hal keadaan itu, dan tidak kurang daripada sekali dalam tempoh dua belas bulan;

(ii) kewajipan untuk membuat tuntutan campur tangan di bawah seksyen ini, dan memberikan pemegang amanah bukti mengenai alasan yang berkaitan dengan aduan itu, bilamana ternyata padanya adalah wajar;

(c) jika tidak terdapat penyiasat dilantik, pemegang amanah hendaklah menggunakan segala usaha munasabah untuk memastikan bahawa pada setiap masa sekurang-kurangnya seorang orang berkepentingan yang berkeupayaan penuh diberikan dokumen dan maklumat yang berikut berkenaan dengan amanah itu, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa hak orang itu untuk mendapatkan dokumen dan maklumat selain perenggan ini:

(i) salinan surat cara amanah dan dokumen amanah lain;

(ii) nama dan alamat pemegang amanah;

(iii) nama, pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama syarikat;

(iv) nama dan alamat semua pengarah syarikat;

(v) jenis aktiviti semasa syarikat itu,

dengan syarat bahawa, jika boleh dilaksanakan, mana-mana orang yang kepadanya maklumat itu diberikan di bawah perenggan ini hendaklah orang yang, pada pendapat munasabah pemegang amanah itu, telah

memperoleh, atau berkemungkinan memperoleh, melalui pelantikan atau selainnya, sebahagian besar kepentingan saksama dalam beberapa atau semua syer yang ditetapkan atau hasilnya atau ialah ibu atau bapa atau penjaga di sisi undang-undang orang itu.

(8) Semua perbelanjaan yang dilakukan dalam menangani suatu tuntutan campur tangan atau menimbangkan aduan yang menjadi asas tuntutan campur tangan itu, termasuklah saraan pemegang amanah, jika berkenaan, dan kos bagi apa-apa nasihat, hendaklah ditanggung oleh kumpulan wang amanah dan pendapatannya pada apa-apa kadar yang diputuskan oleh pemegang amanah, dan jika ada apa-apa kekurangan dalam dana cair, pemegang amanah boleh mengambil apa-apa langkah yang sedia ada kepada pemegang amanah itu di bawah memorandum dan perkara-perkara syarikat dan apa-apa undang-undang bertulis yang terpakai bagi syarikat itu, untuk menampung kekurangan itu daripada dividen syarikat dan boleh, jika didapatinya perlu bagi maksud ini, mendapatkan penggantian mana-mana pengarah dengan wakil pemegang amanah itu sendiri.

(9) Pemegang amanah hendaklah, jika boleh dilaksanakan, mendapatkan penyingkiran daripada jawatan pengarah yang dilantik bagi maksud yang dinyatakan dalam perenggan (7)(a) atau subseksyen (8) apabila maksud yang baginya pengarah itu dilantik telah tercapai, jika penyingkiran itu wajar bagi maksud apa-apa tindakan yang diputuskan oleh pemegang amanah menurut subseksyen (3) atau, tertakluk kepada tindakan itu, bagi maksud pematuhan kaedah-kaedah jawatan pengarah.

Kuasa pelupusan syer yang ditetapkan

46i. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan kepada terma-terma surat cara amanah, pemegang amanah hendaklah mempunyai kuasa, dalam pengurusan atau pentadbiran kumpulan wang amanah, untuk menjual atau selainnya melupuskan syer yang ditetapkan, tetapi kewujudan kuasa ini—

(a) tidak boleh mengandungi suatu kewajipan tersirat untuk menjalankan kuasa itu bagi maksud memelihara atau meningkatkan nilai harta amanah itu atau untuk menimbangkan penjalanannya bagi maksud itu; dan

(b) tidak boleh menjadikan pemegang amanah bertanggung, akibat daripada tidak menjalankan kuasa itu, bagi kerugian daripada jenis yang disebut dalam subseksyen 46E(3).

(2) Tertakluk kepada seksyen 46K, pemegang amanah tidak boleh, melainkan jika surat cara itu memperuntukkan selainnya, menjual atau melupuskan syer yang ditetapkan dalam pengurusan atau pentadbiran kumpulan wang amanah tanpa—

(a) persetujuan pengarah syarikat itu atau majoriti daripada mereka jika lebih daripada satu; dan

(b) persetujuan itu, jika ada, sebagaimana yang dijadikan kehendak oleh surat cara amanah itu.

(3) Kuasa untuk menjual atau melupuskan syer yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut cara, dan atas apa-apa terma dan syarat, sebagaimana yang pemegang amanah, dalam bertindak atas sifat fidusiarinya, fikirkan patut.

(4) Seksyen 48 tidak terpakai bagi amanah itu pada takat yang ia membenarkan Mahkamah untuk memberikan apa-apa kuasa menjual atau kuasa melupuskan yang lain kepada pemegang amanah.

Penguatkuasaan

46J. (1) Jika dalam hal suatu amanah syer yang ditetapkan berlaku pelanggaran kewajipan atau obligasi yang dikenakan oleh Bahagian ini ke atas pemegang amanahnya, mana-mana orang yang ditentukan dalam subseksyen (3) boleh, tertakluk kepada terma-terma amanah, memohon kepada Mahkamah untuk relief.

(2) Mahkamah hendaklah, sekiranya berpuas hati bahawa permohonan di bawah subseksyen (1) itu mempunyai asas yang kukuh, memberikan relief melalui—

(a) pembuatan apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai untuk mendapatkan, dengan seberapa hampir yang boleh, hasil yang Mahkamah berpendapat patut didapati, atau yang paling mungkin boleh

didapati berkenaan dengan amanah itu, syarikat itu, pengarahnya dan secara amnya jika pelanggaran itu tidak berlaku; dan

- (b) pembuatan apa-apa perintah tambahan atau bersampingan, jika ada, yang disifatkan, dalam hal keadaan kes itu, dikehendaki secara munasabah dengan mengambil kira maksud utama Bahagian ini,

dengan syarat bahawa tiada perintah boleh dibuat di bawah subseksyen ini untuk menjejaskan apa-apa kepentingan mengenai harta yang telah diperolehi daripada pemegang amanah secara suci hati, bagi nilai dan tanpa notis benar atau konstruktif mengenai amanah itu, atau daripada syarikat dengan suci hati dan bagi balasan penuh, atau untuk menjejaskan apa-apa kepentingan yang diperolehi daripada kepentingan sedemikian.

(3) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) adalah seperti yang berikut:

- (a) mana-mana orang berkepentingan;
- (b) mana-mana pengarah syarikat itu; dan
- (c) mana-mana orang yang, di bawah kaedah-kaedah jawatan pengarah yang terpakai, sepatutnya menjadi pengarah jika pemegang amanah telah mematuhi obligasinya di bawah seksyen 46G.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) hingga (3), tetapi tertakluk kepada subseksyen (5), jika dalam hal suatu amanah yang terdapatnya suatu pelanggaran kewajipan atau obligasi yang dikenakan di bawah Akta ini ke atas pemegang amanahnya, pelanggaran itu hendaklah, dan boleh diambil tindakan dalam prosiding sivil, menjadi suatu pecah amanah yang boleh dianggap sebagai merujuk kepada bakal pecah amanah yang akan berlaku.

(5) Jika prosiding sivil telah dimulakan berhubung dengan pelanggaran kewajipan atau obligasi, Mahkamah hendaklah, dalam memberikan apa-apa remedi, mengambil kira apa-

apa relief yang diberikan atau yang tersedia berkenaan dengan pelanggaran atas suatu permohonan di bawah subseksyen (1).

(6) Tertakluk kepada terma-terma amanah dan kepada seksyen 46G dan 46H, jika syer yang ditetapkan dipegang atas amanah, tiada perbuatan atau peninggalan pengarah syarikat itu boleh dijadikan alasan bagi mana-mana orang untuk menuntut campur tangan oleh Mahkamah dalam hal ehwal amanah itu.

Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pelupusan

46K. (1) Jika Mahkamah mendapati bahawa pemegangan syer yang ditetapkan itu tidak lagi sesuai dengan hasrat pembuat amanah, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, atas permohonan mana-mana orang berkepentingan, untuk memerintahkan atau membenarkan suatu penjualan atau pelupusan lain apa-apa syer yang ditetapkan, dan suatu penjualan atau pelupusan lain yang diperintahkan atau dibenarkan sedemikian tidak menghendaki apa-apa persetujuan yang disebut dalam subseksyen 46I(3).

(2) Dalam membuat sesuatu perintah atau memberikan kuasa, di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat, sekiranya ada, berhubung dengan penjualan atau pelupusan lain itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Benefisiari yang tidak berhak

46L. (1) Walau apa pun apa-apa rukun ekuiti atau amalan Mahkamah yang berlawanan, tetapi tertakluk kepada subseksyen (2), tiada benefisiari yang hanya mempunyai kepentingan dalam apa-apa syer yang ditetapkan mahupun semua benefisiari yang bersesama adalah orang yang mempunyai kepentingan dalam apa-apa syer yang ditetapkan, adalah berhak, walaupun wujud dan ditentukan dan berkeupayaan penuh, untuk memanggil atau mengarahkan sesuatu pindah milik syer itu atau menamatkan atau mengubah suai amanah yang berhubungan dengan syer itu, jika dan setakat yang hak itu, tanpa menyalahi mana-mana kaedah mengenai tempoh selama-lamanya atau kejauhan, dikecualikan oleh surat cara amanah.

(2) Tiada apa-apa pengecualian hak sedemikian boleh dikuatkuasakan, atau terus berkuat kuasa, selepas habis tempoh dua puluh tahun dari kewujudan amanah itu.

(3) Jika seseorang yang menerima syer yang ditetapkan, atau kepentingan dalam syer yang ditetapkan itu, ialah seorang yang, menurut kuasa pengecualian hak sedemikian, tidak mempunyai hak untuk menerima syer atau kepentingan itu pada masa ini, dia hendaklah, tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), memegang syer atau kepentingan itu atas amanah bagi memindahkan syer atau kepentingan itu kepada pemegang amanah, dan Mahkamah boleh memerintahkannya berbuat demikian atas permohonan oleh pemegang amanah atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam subseksyen 46J(3).

(4) Dalam masa apa-apa pengecualian hak sedemikian, seksyen 47 tidak terpakai bagi amanah itu.

Kehilangan kelayakan pemegang amanah sebagai pengarah

46M. Pemegang amanah syer yang ditetapkan tidak menjadi, atau tidak boleh menjadi, pengarah syarikat itu.

Memastikan hasrat pembuat amanah

46N. (1) Jika menjadi perlu di bawah Akta ini bagi Mahkamah atau pemegang amanah untuk menentukan hasrat pembuat amanah, peruntukan seksyen ini hendaklah terpakai.

(2) Jika pembuat amanah masih hidup, pembuat amanah hendaklah, jika mungkin dan boleh dilaksanakan, dirundingi tentang hasratnya.

(3) Jika pembuat amanah telah mati, atau adalah mustahil atau tidak dapat dilaksanakan untuk merundinginya, hasratnya hendaklah dikira sebagai—

- (a) apa-apa hasrat yang terakhir sekali yang telah disampaikan kepada pemegang amanah; atau
- (b) jika tiada hasrat atau hasrat yang telah disampaikan, sebagaimana yang Mahkamah, atau pemegang amanah dengan suci hati, mempercayai bahawa besar

kemungkinan daripada keterangan yang sedia ada merupakan hasratnya berkenaan dengan hasratnya itu.

Had ke atas kewajipan pemegang amanah

46o. (1) Pemegang amanah syer yang ditetapkan tidak mempunyai tanggungjawab fidusiari atau kewajipan berjaga-jaga berkenaan dengan harta, atau penjalanan hal ehwal syarikat, kecuali apabila bertindak, atau dikehendaki untuk bertindak, atas suatu tuntutan campur tangan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), pemegang amanah syer yang ditetapkan—

- (a) tidak dikehendaki membuat apa-apa siasatan tentang sama ada apa-apa fakta wujud yang akan, atau mungkin, sama ada dengan atau tanpa apa-apa maklumat lain, membentuk asas bagi suatu tuntutan campur tangan;
- (b) tidak mempunyai obligasi untuk memaklumkan mana-mana orang berkepentingan mengenai apa-apa fakta yang diketahuinya, atau yang disyaknya, adalah berkenaan dengan harta syarikat atau penjalanan hal ehwal syarikat; dan
- (c) tidak boleh menanggung liabiliti sebagai pensusahat bagi pelanggaran kewajipan pengarah oleh sebab apa-apa peninggalan di pihak pemegang amanah untuk mengambil tindakan apabila pemegang amanah menyedari, atau mengesyaki, bahawa telah atau akan berlaku pelanggaran sedemikian, atau oleh sebab apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam mematuhi peruntukan seksyen 46G.

Sekatan ke atas amanah Labuan hendaklah terpakai

46p. Sekatan dalam seksyen 7 hendaklah terpakai bagi suatu Amanah Khas Labuan yang terkandung dalam Bahagian ini.”.

Pindaan seksyen 49

43. Subseksyen 49(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 52

44. Subseksyen 52(2) Akta ibu dipinda, dengan menggantikan perkataan “enam” dengan perkataan “tiga”.

Pindaan seksyen 53

45. Seksyen 53 Akta ibu dipinda—

- (i) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”; dan
- (ii) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Penalti: Pemenjaraan selama lima tahun atau tiga juta ringgit atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 56

46. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 56 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa mengkompaun

56. (1) Lembaga boleh, dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Lembaga suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa perlanjutan yang boleh diberikan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan apa-apa kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan boleh dikompaun boleh dilepaskan atau dilucut hak oleh Lembaga, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang Lembaga fikirkan patut untuk dikenakan mengikut syarat untuk mengkompaun.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Lembaga di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.”.

Pindaan seksyen 57

47. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 57 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

57. (1) Menteri boleh, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi perjalanan atau pelaksanaan sepenuhnya peruntukan Akta ini.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peraturan-peraturan merupakan suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan penalti denda yang tidak melebihi dua puluh lima ribu riggit.”.

Pindaan seksyen 58

48. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 58 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian

58. Menteri boleh, atas syor Lembaga, mengecualikan mana-mana amanah Labuan atau Amanah Khas Labuan daripada mana-mana peruntukan Akta ini dan boleh, dalam memberikan pengecualian itu, mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.”.

Pindaan seksyen 59

49. Perenggan 59(1)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”.

Pindaan seksyen 62

50. Seksyen 62 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “luar pesisir” dengan perkataan “Labuan”,

Seksyen baru 63

51. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 62 seksyen yang berikut:

“Pemakaian Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996

63. Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996, peruntukan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 hendaklah dipakai.”.

Kecualian

52. Semua sebutan mengenai Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Amanah Labuan 1996.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 “(Akta 554)”.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* dan *3* bertujuan untuk meminda tajuk panjang dan tajuk ringkas Akta 554 masing-masing dengan memotong perkataan “Luar Pesisir”. Pemotongan itu ekoran langkah penjenamaan semula Labuan sebagai Pusat Kewangan Labuan Antarabangsa yang baru dan bagi memastikan keselarasan berkenaan dengan penetapan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (selepas ini disebut sebagai “LOFSA”) dengan perundangan Labuan yang lain.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 554 untuk memperkenalkan tafsiran baru dan meminda tafsiran sedia ada yang digunakan dalam Akta 554.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk memotong seksyen 4 dan 5 Akta 554 yang sekarang dirangkumi di bawah seksyen baru 11A hingga 11E, yang dimasukkan oleh *fasal 15* ke dalam Akta yang dicadangkan. Tujuan utama pindaan itu ialah untuk menempatkan perkara utama seksyen yang dipotong itu, i.e. amanah bermaksud dan amanah khairat, di bawah Bahagian II Akta 554 yang berhubungan dengan pewujudan dan pengiktirafan amanah luar pesisir.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 554 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu pengertian “undang-undang yang sepatutnya” yang komprehensif, khususnya, bagaimana undang-undang yang sepatutnya itu ditentukan dan juga menyatakan perkara yang dikawal oleh undang-undang yang sepatutnya itu. *Fasal* ini selanjutnya mengadakan peruntukan bagi tempat pentadbiran amanah.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk memperkenalkan Bahagian baru, i.e. Bahagian IA, yang mengandungi dua seksyen baru, iaitu seksyen 6A dan 6B ke dalam Akta 554. Seksyen 6A menyatakan bahawa LOFSA bertanggungjawab bagi pentadbiran Akta tertakluk kepada arahan am Menteri manakala seksyen 6B memberi LOFSA kuasa untuk melantik pegawai diberi kuasa.

8. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 554 untuk membenarkan harta tak alih Malaysia dimasukkan sebagai sebahagian daripada harta amanah. *Fasal* ini juga bertujuan untuk membenarkan pemastautin Malaysia menjadi benefisiari kepada suatu amanah Labuan dengan syarat harta amanah itu adalah harta asing, dan untuk membenarkan pemastautin Malaysia menjadi pembuat amanah suatu amanah Labuan dengan syarat harta amanah itu adalah harta asing. *Fasal* ini selanjutnya menghendaki sekurang-kurangnya seorang daripada pemegang amanah amanah Labuan itu merupakan suatu syarikat amanah Labuan.

9. *Fasal 11* bertujuan untuk memperkenalkan dua seksyen baru, iaitu seksyen 8A dan 8B ke dalam Akta 554. Seksyen 8A memperuntukkan bahawa semua prosiding (selain prosiding jenayah) berkenaan dengan sesuatu amanah Labuan

hendaklah dijalankan secara tertutup dan bertujuan untuk melarang penzahiran apa-apa maklumat yang berhubungan dengan hal-ehwal sesuatu amanah Labuan sementara seksyen 8B berhubung dengan pemegangan hak-hak tertentu oleh pembuat amanah.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 554 untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan harta amanah yang lebih komprehensif dan untuk memasukkan perlindungan daripada tuntutan asing atau pemakaian undang-undang asing berkenaan dengan apa-apa pelupusan harta amanah itu dan sifat pembuat amanah.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk memperkenalkan subseksyen baru (6A) ke dalam seksyen 11 Akta 554. Pindaan ini bertujuan untuk mengehadkan pemakaian seksyen 11 dalam hal keadaan pembuat amanah seorang pemastautin.

12. *Fasal 15* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 11A, 11B, 11C, 11D dan 11E ke dalam Akta 554. Sebagaimana yang dinyatakan terdahulu, dalam perenggan 5, seksyen baru itu menyatakan peruntukan mengenai amanah bermaksud dan amanah khairat yang dahulunya terkandung dalam seksyen 4 dan 5 yang dipotong. Seksyen baru 11C bertujuan untuk memperkenalkan peruntukan berhubung dengan “penguat kuasa” manakala seksyen 11D memperuntukkan bahawa sesuatu amanah bermaksud tidak boleh menjadi terbatal semata-mata kerana ketidakpastian. Seksyen baru 11E mengadakan peruntukan mengenai amanah pemborosan atau perlindungan.

13. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 554 untuk menangani isu amanah Labuan menggunakan nama yang mengelirukan dan tidak diingini.

14. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 554 untuk menjelaskan bahawa amanah Labuan tidak tertakluk kepada kaedah selama-lamanya, dan juga memberi pemegang amanah kuasa untuk menukar suatu amanah selama-lamanya menjadi suatu amanah yang jangka masanya ditetapkan dan menetapkan suatu jangka masa tetap atau untuk mengubah jangka masa sesuatu amanah.

15. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 554 untuk memastikan bahawa peruntukan statutori tidak menafikan niat pembuat amanah untuk mewujudkan amanah. Pindaan itu bertujuan untuk menjadikan hasrat benefisiari dan hasrat pembuat amanah seimbang. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa jika terma amanah tidak membenarkan penamatan amanah itu oleh benefisiari, benefisiari itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk penamatan amanah itu dan Mahkamah boleh meluluskan penamatan sedemikian jika Mahkamah berpuas hati bahawa penamatan itu selaras dengan maksud material amanah itu.

16. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 554 untuk membolehkan terma sesuatu amanah membuat peruntukan bagi penambahan seseorang untuk menjadi benefisiari, untuk mengeluarkan seseorang daripada menjadi benefisiari dan mengenakan apa-apa kewajipan sebagai syarat bagi sesuatu faedah di bawah amanah itu.

17. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 554 sedia ada untuk membolehkan benefisiari menolak keseluruhan atau mana-mana bahagian kepentingannya walau apa pun terma amanah itu.

18. *Fasal 31* bertujuan untuk memperkenalkan subseksyen baru (1A) ke dalam seksyen 30 Akta 554. Pindaan ini bertujuan untuk menerima pakai pendekatan yang lebih moden berkenaan dengan kewajipan berjaga-jaga pemegang amanah berdasarkan Akta Pemegang Amanah 2000 United Kingdom dan Akta Pemegang Amanah Singapura. Apa-apa pengetahuan atau pengalaman khas yang pemegang amanah ada atau yang dikatakan ada oleh pemegang amanah itu, dan apa-apa pengetahuan atau pengalaman khas yang dijangkakan dengan munasabah ada pada seseorang pemegang amanah profesional diambil kira dalam pelaksanaan kewajibannya sebagai seorang pemegang amanah.

19. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 554 yang menghendaki seseorang pemegang amanah, yang keputusannya bertentangan daripada keputusan sebilangan besar pemegang amanah, menyebabkan keputusannya yang bertentangan itu direkodkan secara bertulis.

20. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 554 yang menghendaki seseorang pemegang amanah untuk menginsuranskan harta amanah terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan dan untuk membayar premium daripada pendapatan atau modal kumpulan wang amanah.

21. *Fasal 34* bertujuan untuk memperkenalkan dua seksyen baru, iaitu seksyen 33A dan 33B ke dalam Akta 554. Seksyen 33A bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pelaburan oleh pemegang amanah. Seksyen 33A mengenakan perlindungan ke atas kuasa pelaburan oleh pemegang amanah, khususnya, menghendaki pemegang amanah untuk mengambil kira kriteria standard pelaburan dan balasannya, termasuk kesesuaian pelaburan yang dicadangkan dan keperluan untuk mempelbagaikan pelaburan amanah itu. Seksyen 33B menghendaki pemegang amanah untuk mendapatkan nasihat yang sepatutnya yang berhubung dengan apa-apa pelaburan yang dicadangkan daripada orang yang berkeelayakan.

22. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 35 Akta 554 untuk menyatakan peranan dan kuasa seorang pelindung secara terperinci.

23. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 36 Akta 554 untuk memperkenalkan perlindungan tertentu berhubung dengan kuasa perwakilan oleh pemegang amanah, khususnya, untuk menentukan fungsi tertentu yang tidak boleh diwakilkan dan dalam hal ini, fungsi yang boleh diwakilkan berkenaan dengan amanah khairat hendaklah berlainan daripada fungsi sedemikian bagi amanah bukan khairat dan untuk mengenakan kehendak yang lebih ketat berkenaan dengan perwakilan fungsi pengurusan harta dan untuk menghendaki pemegang amanah untuk mengkaji semula terma perwakilan dan bagaimana prestasi kerja orang yang dilantik.

24. *Fasal 37* bertujuan untuk memperkenalkan dua seksyen baru, iaitu seksyen 36A dan 36B ke dalam Akta 554. Seksyen 36A memperkatakan tentang perwakilan kuasa berhubung dengan fungsi pengurusan harta manakala seksyen 36B memperkatakan tentang kajian semula ejen.

25. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 41 Akta 554 bagi mengadakan peruntukan mengenai pengecualian yang perlu bagi kerahsiaan maklumat amanah dan selanjutnya, untuk menyekat obligasi untuk menzahirkan apa-apa maklumat kepada mana-mana benefisiari yang mempunyai kepentingan terletak hak atau kontingen dalam sesuatu amanah.

26. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 554. Pindaan ini bertujuan untuk memotong subseksyen 42(2) dan (3) kerana subseksyen itu mewujudkan diskriminasi yang tidak wajar terhadap pengarah dalam urusan fidusiari jika dibandingkan dengan profesional lain dan kewujudan diskriminasi itu secara berterusan boleh menghalang pemberi perkhidmatan antarabangsa daripada menubuhkan perniagaan di Labuan. Selanjutnya, pindaan itu bertujuan untuk memperuntukkan bahawa klausa pembebasan daripada tanggungan dalam surat cara amanah tidak boleh dikuatkuasakan di bawah hal keadaan tertentu yang dinyatakan. Pemegang amanah tidak bertanggung kepada benefisiari bagi pecah amanah jika benefisiari mengizinkan kelakuan yang membentuk pecah amanah itu, melepaskan pemegang amanah daripada liabiliti bagi pecah amanah atau meratifikasikan transaksi yang membentuk pecah amanah itu.

27. *Fasal 40* bertujuan untuk memperkenalkan dua seksyen baru 42A dan 42B ke dalam Akta 554. Seksyen 42A memberi Mahkamah kuasa untuk membuat suatu perintah bagi mencegah pecah amanah daripada berlaku manakala seksyen 42B memberi Mahkamah kuasa untuk membuat suatu perintah untuk meremedi pecah amanah yang telah berlaku.

28. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 554 untuk memperkenalkan langkah yang sewajarnya untuk mengelakkan kekosongan dalam jawatan pemegang amanah apabila pemegang amanah bersara.

29. *Fasal 42* bertujuan untuk memperkenalkan Bahagian baru, iaitu Bahagian IVA yang mengandungi seksyen 46A, 46B, 46C, 46D, 46E, 46F, 46G, 46H, 46I, 46J, 46K, 46L, 46M, 46N, 46O dan 46P, ke dalam Akta 554. Bahagian baru ini mengadakan peruntukan bagi pewujudan Amanah Khas Labuan.

30. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda seksyen 52 Akta 554 untuk memendekkan tempoh had masa di bawah subseksyen 52(2) daripada enam tahun yang ada sekarang kepada tiga tahun. Tempoh had masa enam tahun sekarang di bawah subseksyen 52(2) adalah terlalu panjang jika dibandingkan dengan bidang kuasa lain.

31. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda seksyen 53 Akta 554 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan menerima wang atau harta lain daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang daripada tiga puluh ribu ringgit kepada tiga juta ringgit.

32. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda seksyen 57 Akta 554 untuk memberi Menteri kuasa untuk menyatakan penalti yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta.

33. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda seksyen 58 Akta 554 untuk memberi Menteri kuasa, atas syor LOFSA, mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Akta ini.

34. *Fasal 51* bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru, iaitu seksyen 63 ke dalam Akta 554 untuk memperuntukkan bahawa sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara peruntukan Akta 554 dengan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*], peruntukan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 hendaklah dipakai.

35. *Fasal 52* Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan kecualian.

36. Pindaan lain yang tidak perkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2667]